

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM**

**TARIKH : 6 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9712**

**SOALAN:**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah perbelanjaan awam dimobilisasi setiap tahun antara 2000-2015 demi ketenteraman awam dan penguatkuasaan undang-undang terutama untuk mencegah dan mengurangkan jenayah, memelihara kesentosaan dan kestabilan serta memastikan keselamatan dan keamanan awam.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah perbelanjaan awam bagi menjaga ketenteraman awam dan penguatkuasaan undang-undang dari tahun 2011 hingga 2016 adalah sebanyak RM48,656,834,607.68 Keutamaan perbelanjaan ini turut merangkumi usaha mencegah dan mengurangkan jenayah, memelihara kestabilan dan keselamatan negara.**

**Maklumat keseluruhan peruntukan dari tahun 2011 sehingga 2016 adalah seperti berikut:**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
2011	7,453,165,342.93
2012	8,164,235,967.45
2013	7,924,125,057.70
2014	7,097,561,911.07
2015	8,922,457,731.26
2016	9,095,288,597.27
<b>JUMLAH</b>	<b>48,656,834,607.68</b>